

Headline	Perkasa benih perpaduan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	05 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	24	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,299
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,897



Perkasa benih perpaduan

Benih perpaduan disemai perlu diperkasakan untuk mengekalkan keamanan dalam kepelbagaian agama dan bangsa di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, rakyat perlu menjaga dengan baik pokok atau benih perpaduan yang ditanam pemimpin terdahulu sejak 60 tahun lalu.

Beliau yang pernah menanam seponon pokok damar minyak di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 2004 menggunakan analogi pokok itu bagi menggambarkan pokok

yang besar dan kukuh perlu dijaga dan dibaja dengan baik.

“Jangan sekali-kali kita tebang pokok yang ditanam sebab kalau ditebang, bagi anai-anai makan, pokok

rebah dan tumbang, kita tidak ada tempat berteduh (dan keadaan itu akan) menjadikan Malaysia sebuah negara yang gagal,” katanya ketika merasmikan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di FRIM, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom.



NAJIB bersama pemimpin agama pada sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di FRIM, semalam.